Penyertaan SUKNES@U bertambah

Peserta yang menyertai acara sukan pada SUKNES@U yang berlangsung sehingga hari ini.

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menjadi tuan rumah bagi penganjuran Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan (SUKNES@U) 2015 yang berlangsung Ahad lalu sehingga hari ini.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik Usim, Mohd Zaini Othman berkata, kejohanan dianjurkan Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis) dengan kerjasama Pusat Sukan Usim dan sokongan kerajaan negeri dan Yayasan Negeri Sembilan.

"Ini merupakan satu-satunya kejohanan sukan melibatkan anak-anak Negeri Sembilan sahaja, yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) seluruh negara.

"Jika pada 2010 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi menjadi tuan rumah, kali ini Usim diberi kepercayaan menganjurkan sukan berprestij ini.

"Berdasarkan penyertaan, kita dapati pada edisi kedua ini, sambutan sangat meriah, malah jumlah peserta juga semakin bertambah," katanya.

Menurutnya, lebih daripada 22 IPTA dan IPTS seluruh negara menghantar kontinjen masing-masing dalam sembilan acara sukan yang dipertandingkan, antaranya futsal, bola jaring, bola tampar, sepak takraw, pingpong dan sukan rakyat .

Majlis Perasmian Pembukaan SUKNES@U disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dolah.